

# Semarak jalinan sejarah

Oleh G. MANIMARAN  
(WARTAWAN UTUSAN)

**JIKA** pengunjung melayari laman web Suruhanjaya Tinggi Britain di Malaysia, slogannya pasti menarik perhatian: *Malaysia & UK Celebrating 50 Years Together*. Ia disusuli logo yang bertemakan *50th Malaysia & UK Forward Together* (50 Tahun Malaysia & UK Melangkah Ke Depan Bersama).

Ketika berkongsi pengalaman di sebalik usaha itu, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Boyd McCleary CVO menjelaskan: "Apabila kami mengetahui yang Malaysia akan menyambut tahun yang penting dalam sejarahnya, ulang tahun ke-50 merdeka, saya memikirkan bukan sahaja era yang telah kita lalui tetapi juga melihat ke arah masa depan."

Tambah beliau, Britain juga ingin menyambut detik signifikan itu kerana mempunyai ruang yang penting dalam sejarah - "dari sudut kolonial kira-kira 100 tahun lamanya."

Bagi menjayakan sambutan ini, Suruhanjaya Tinggi Britain telah menyusun sejumlah program untuk sepanjang tahun ini sejak Januari lalu. Hampir setiap minggu program khas memperingati hubungan dan kerjasama lima dekad Kuala Lumpur-London diadakan.

Pelancaran program sambutan Suruhanjaya Tinggi Britain telah berlangsung di Carcosa Seri Negara - premis bersejarah yang sinonim dengan Britain di Malaysia, Januari lalu.

Pihaknya mencipta khas logo tersebut bagi menggambarkan ciri-ciri hubungan Malaysia-Britain, bukan setakat melihat kembali suasana yang telah dilalui.

## Hubungan

"Memang mudah untuk mengadakan imej hitam putih bagi meraikan apa yang dicapai masa lalu dengan meletakkan gambar askar-askar Britain dan apa yang berlaku ketika 1950-an dan 1960-an. Kami merasakan ia tidak mencukupi," jelas McCleary. Sebaliknya mahu melihat hubungan yang lebih berwarna-warni berbanding perjalanan lima dekad lalu.

"Sudah pasti pada masa lalu gambar-gambar adalah hitam putih, tetapi apa yang hendak saya mengatakan ialah hubungan Malaysia-Britain ini adalah milik masa lalu, masa sekarang dan kami juga ingin melihat masa depan," kata beliau lagi.

Dalam memperingati hubungan diplomatik lima dekad, McCleary menambah, pihaknya memfokus untuk melihat apa yang telah dilakukan selama 50 tahun lalu dan pada masa yang sama melihat ke depan untuk melakukan dengan lebih baik dalam sudut berbeza bagi tempoh 50 tahun akan datang ketika Malaysia bergerak ke arah status negara maju.

Dalam pertemuan khas dengan *Utusan Malaysia* sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan, McCleary yang mengetuai suruhanjaya itu sejak hampir setahun lalu turut mengupas hubungan sepanjang lima dekad lalu bermula dengan era Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sehingga kepimpinan semasa.


Kerjasama dalam pelbagai sudut dan bidang, antara lain latihan untuk pegawai-pegawai muda ketika itu, pendidikan dan usaha mengatasi pergerakan komunis serta membantu Persekutuan Tanah Melayu daripada 'tekanan' negara jiran turut disentuh bagi menggambarkan kemajuan hubungan dua hala.

Turut dikongsi ialah peralihan tumpuan Britain dari rantau ini termasuk ke atas Malaysia, yang bermula sejak 1970-an apabila ia mula mengurangkan fokus ketenteraan dari rantau Timur Jauh dan Asia Barat. Agenda tumpuan kedua-dua negara juga mula berubah sejak itu, kata McCleary.

Perubahan kepimpinan selepas itu juga mempengaruhi hubungan diplomatik kedua-dua negara, jelas beliau dengan merujuk kepada dasar dan corak kepimpinan di bawah Tun Dr. Mahathir Mohamad, lapisan pemimpin bukan berlatarbelakangkan pendidikan Britain, yang memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur.

McCleary juga berkongsi pandangan bahawa hubungan Kuala Lumpur-London "kelihatan mendarat selepas Britain tidak memberi tumpuan mendalam ke atas Malaysia sepanjang 10, 15 tahun yang lalu" berbanding suasana yang disaksikan

Saya cuba menggunakan sambutan ini untuk melihat 50 tahun hubungan Malaysia-Britain. Ia sebahagian usaha memfokus semula hubungan kedua-dua negara, bercakap mengenai cara kita boleh bekerjasama



Malysiaku Gemilang

di peringkat awal pascakemerdekaan.

"Apabila saya datang ke sini, saya dapat merasakan, apabila bercakap dengan rakyat Malaysia dan termasuk menteri-menteri Kabinet, di mana mereka rasa sedih kerana Britain tidak memberi tumpuan mendalam ke atas Malaysia," katanya.

Oleh itu, beliau menarik perhatian, dalam menyambut 50 tahun merdeka ini, "kami mahu mengambil usaha untuk menyegarkan semula, mengkaji semula hubungan dan memfokus semula

ngan kadar penduduk Malaysia dan kira-kira 30,000 pelajar pula mengikuti pelbagai tahap dan jenis pengajian di institusi di sini yang ada kerjasama dengan universiti UK. Jadi, jumlahnya masih sama dengan 40,000 orang pelajar pada tahun 1970-an," kata beliau.

Oleh kerana itu, tambah beliau, pendidikan masih memainkan peranan yang penting dalam hubungan dua hala kedua-dua negara ini. "Kami merasakan ia adalah penting untuk Malaysia terus maju dalam pembangunan modal insan, kami ingin bekerjasama rapat untuk mencapai matlamat-matlamat yang disusun Malaysia," katanya lagi.

"Ini tiga bidang yang kami ingin melihat... bidang pendidikan, sains dan inovasi ini untuk menuju masa depan, melihat cara untuk bekerja, bekerjasama dengan Malaysia, yang bukan sahaja akan memanfaatkan Malaysia, malah akan memanfaatkan kami juga," demikian menurut McCleary.

Penekanan itu diberikan oleh Britain yang ingin melihat peluang menang-menang melibatkan kedua-dua negara, kata beliau dengan semangat optimistik bahawa ia boleh dicapai.

Bagaimana Britain melihat kemajuan

matik, beliau merumuskan begini: Sepanjang 50 tahun lalu, Britain juga telah mengalami perubahan yang mendadak dari sudut demografi. Lima dekad yang lalu, Britain merupakan sebuah negara homogen dengan penduduk terdiri daripada masyarakat Inggeris semata-mata.

"Britain telah berubah secara mendadak sehingga melewati sifat-sifat pengenalan, tiada masyarakat berlatar belakang Islam, Afrika, Asia dan Caribbean ketika itu. Hari ini Britain merupakan negara pelbagai budaya, pelbagai bakat, dan juga pelbagai kaum.

"Kami, kini, boleh mendapat manfaat daripada itu. Pada peringkat awal, kami tidak faham, ada yang menentang soal imigresen.

"Akhirnya rakyat Britain menyedari, saya pasti Malaysia adalah sebahagian daripada ini, bahawa penghijrahan adalah perkara yang baik bagi Britain," kata beliau.

McCleary juga berkongsi pandangan bahawa hubungan dengan Malaysia telah membantu Britain mempelajari dan menyedari tentang kepelbagaian budaya dan dunia baru sekarang.

Peranan Malaysia dalam pelbagai



BOYD McCleary CVO di sisi logo sambutan bersama 50 tahun kemerdekaan Malaysia anjuran Suruhanjaya Tinggi Britain di pejabatnya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

hubungan kedua-dua negara."

"Mahu menyegarkan dan memfokus hubungan kedua-dua negara serta melihat bagaimana boleh bekerjasama dengan kerajaan Malaysia untuk mencapai matlamat yang digariskan dalam Wawasan 2020," kata beliau lagi.

Seiring hasrat itu, McCleary menyenaraikan tiga bidang yang akan diberi tumpuan iaitu pendidikan, sains dan inovasi. Acara sambutan pihaknya juga disusun seiring objektif ketiga-tiga bidang itu.

Mengapa perlunya tiga bidang baru itu? Jelas beliau: "Di peringkat awal kemerdekaan, terdapat 30,000 hingga 40,000 pelajar Malaysia di UK. Kini tiada lagi 30,000 hingga 40,000 pelajar sebab Malaysia mempunyai kemudahan dan institusi pendidikan yang semakin baik dan mantap di Malaysia. Jadi Malaysia tidak perlu lagi menghantar pelajar-pelajarnya ke UK."

"Bagaimanapun universiti-universiti Britain mempunyai peluang-peluang yang baik untuk menjalin kerjasama dengan institusi pengajian tinggi di sini.

"Kini, kira-kira 11,500 pelajar Malaysia sedang belajar di UK. Ia satu jumlah yang masih signifikan berbanding de-

dan perkembangan hubungan dua hala Kuala Lumpur-London selepas merdeka? Dengan menggambarkan bahawa ia seperti gelombang yang turun naik, beliau mengakui hubungan dan ikatan yang terjalin adalah kuat meskipun mengalami perubahan seumpama itu dari semasa ke semasa.

"Pokoknya hubungan kedua-dua negara adalah mantap. Dan, ia semakin kukuh pada hari ini sebab dunia sudah berubah, peranan Britain di dunia sudah berubah, peranan Malaysia di dunia juga sudah berubah," katanya.

"Malaysia mempunyai kedudukan kapasiti yang lebih baik, asas perniagaan yang lebih baik, modal insan yang lebih baik pada masa sekarang," katanya sambil menekankan bahawa Britain mempunyai banyak peluang untuk bekerjasama dengan Malaysia.

"Jadi kami sudah pasti mahu menunjukkan komitmen kepada Malaysia, terlibat bersama dengan Malaysia, untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam bidang yang dirasakan penting bagi Malaysia," ujar McCleary.

Ketika ditanya hasil yang diperoleh sepanjang lima dekad hubungan diplo-

pertubuhan antarabangsa khususnya di peringkat komanwel, yang dianggotai oleh negara-negara bekas jajahan Britain, juga membantu London dalam banyak aspek.

"Britain memperoleh manfaat daripada Malaysia dalam banyak aspek," akui McCleary.

Begitu juga Malaysia. Mempunyai legasi yang kukuh. "Saya datang ke Malaysia sebagai pesuruhjaya tinggi dan disambut oleh ramai, dengan bukan melihat saya sebagai wakil bekas penjajah," ujarnya.

Dalam hal ini, ujar beliau, Britain bukan semata-mata hanya lambang Ratu Elizabeth dan dengan askar-askarnya, tetapi lebih daripada itu.

"Saya sedang cuba mengubah persepsi sedemikian, antara lain menggunakan slogan Malaysia dan Britain adalah rakan lama tetapi rakan kongsi baru," kata beliau.

McCleary menekankan: "Saya cuba menggunakan sambutan ini untuk melihat 50 tahun hubungan Malaysia-Britain. Ia sebahagian usaha memfokus semula hubungan kedua-dua negara, bercakap mengenai cara kita boleh mendalami kerjasama."